

TRAGEDI

**Kronologi**

**Kes tangki air pecah di seluruh negara**

**3 May 2017** → Sebahagian dinding Pangsapuri Cheras Utama di Jalan CU4A, Taman Cheras Utama, Kuala Lumpur runtuh selepas tangki air bangunan itu pecah. Runtuhan konkrit menghempap sebuah kereta dan motosikal tetapi tiada penghuni cedera.  
**19 April 2017** → Seorang lelaki nyaris maut apabila rumahnya dihempap serpihan tangki galian kaca berkapasiti 16,000 liter yang terletak di tingkat 11 Pangsapuri Sri Nipah, Seksyen 22,

Shah Alam, Selangor, pecah.  
**29 Ogos 2015** → Dua rumah di Kampung Terus Terip, Kuala Perlis, Perlis, rosak ditimpa serpihan besi dan air selepas satu daripada dua tangki air bersebelahan Lebuhraya Kuala Perlis-Changlun yang membekalkan air kepada penduduk Kuala Perlis, pecah. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan.  
**20 September 2012** → Enam unit rumah di Apartmen Melur, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur digenangi air

pada paras buku lali selepas tangki air di tingkat atas apartmen 24 tingkat itu pecah yang menyebabkan saluran air tidak dapat menampung tekanan air yang kuat hingga air terpancut keluar di enam unit rumah itu.  
**14 Julai 2012** → Sebuah tangki air di Sekolah Kebangsaan Paka, Terengganu, pecah dan hampir mencederakan jemaah yang dalam perjalanan menunaikan solat Jumaat di masjid berhampiran.


**16 September 2010** → Kira-kira 300 penduduk Pangsapuri Larkin Indah, Larkin, Johor, mengalami gangguan bekalan air apabila tangki air di blok A pangsapuri itu pecah dan menyebabkan kerosakan pangsapuri berkenaan.  
**19 November 1993** → Dua orang maut dan 18 cedera apabila air pecah di bumbung rumah pangsa 16 tingkat di Bukit Cagar, Johor Bahru. Mohd Suhaimi Md Taib, 19, dan Mohd Nor Ridwan Ahmad Rozi, 6, terkorban ditimpa air.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]



Anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan melakukan pemeriksaan dan pembersihan di tempat kejadian selepas tangki air pecah dari tingkat 4 di Kompleks Teruntum, Kuantan semalam.

TANGKI AIR KOMPLEKS TERUNTUM PECAH



# Tangki air premis 15 tahun tak berganti

➔ 227,124 liter air rempuh dinding konkrit Kompleks Teruntum

Oleh Nik Sukry Rami  
 niksukry@bh.com.my

✦ Kuantan

Lagi kejadian tangki air pecah dan kali ini membabitkan pusat beli-belah pertama di bandar ini, Kompleks Teruntum, yang menempatkan premis perniagaan dan ruang pejabat.

Satu daripada dua tangki air diperbuat daripada galian kaca yang terletak di tingkat empat bangunan itu yang tidak ditukar sejak 15 tahun lalu, pecah kira-kira jam 1 tengah hari semalam.

Ini menyebabkan air dalam tangki yang berkapasiti 227,124 liter air, merempuh dinding konkrit kompleks berusia 36 tahun itu

hingga pecah. Runtuhan serpihan konkrit pada ketinggian 40 meter mengenai tiga kereta serta 10 motosikal. Selain itu, empat individu cedera ringan akibat terjatuh ketika melarikan diri sebaik menyedari kejadian berkenaan.

Berikutan kejadian itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengarahkan semua premis perniagaan dan pejabat kerajaan di kompleks berkenaan diarah menghentikan operasi sementara atas faktor keselamatan.

Seorang pegawai kerajaan yang enggan mendedahkan identitinya memberitahu kali terakhir pihak pengurusan bangunan itu menukar tangki air berkenaan 15 tahun lalu.

**Kurang penyelenggaraan**

Peniaga di kompleks itu pula mendakwa kurang penyelenggaraan yang menyebabkan tangki air berkenaan pecah.

Peniaga yang enggan dikenali mendakwa pihak pengurusan pusat beli-belah itu menghadapi masalah kekurangan dana untuk menyelenggara peralatan dalam bangunan berkenaan.

"Bagaimanapun, sebelum ini tidak pernah berlaku gangguan bekalan air di kompleks ini... mungkin tangki air berkenaan sudah lama dan pihak pengurusan tiada modal untuk selenggara kerana mungkin kos mahal bagi menyelenggara peralatan lama termasuk membeli alat ganti."

"Kami pernah berdepan masalah gangguan bekalan elektrik dan sistem pendingin hawa dan apabila dirujuk kepada pengurusan (bangunan) mereka memaklumkan kos penyelenggaraan mahal."

"Apabila berlaku kejadian sebegini, kami terpaksa menanggung kerugian kerana tidak boleh berniaga atas faktor keselamatan dan kami dimaklumkan hanya boleh berniaga selepas mendapat kebenaran bomba," katanya yang berniaga di kompleks itu sejak lima tahun lalu.

**Tutup semua operasi**

Sementara itu, Pengurus Badan Pengurusan Bersama Kompleks Teruntum, Mohd Zaid Harun, enggan mengulas punca tangki air berkenaan pecah.

Katanya, pihaknya akur dengan arahan penutupan semua operasi di kompleks berkenaan.

"Kita dimaklumkan oleh JBPM mengenai penutupan itu. Kita sedia beri kerjasama kepada semua pihak bagi membantu mereka melakukan pemeriksaan dan siasatan... pihak bomba dan Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri akan melakukan pemeriksaan dan pemantauan di bangunan ini."

"Semua operasi premis perniagaan dan pejabat hanya akan dibenarkan selepas mendapat kelulusan atau arahan daripada pihak bomba," katanya.

Pengarah JBPM Pahang, Datuk Abdul Wahab Mat Yassin, berkata 10 pegawai dan anggota bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Bukit Ubi terbahit dalam operasi pengosongan bangunan itu.

Pasukan itu turut dibantu anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Tempoh penutupan semua operasi di Kompleks Teruntum akan ditentukan selepas melakukan pemeriksaan lanjut bersama

JKR dan pihak pengurusan bangunan berkenaan.

"Arahan ini (penutupan) membabitkan premis perniagaan dan pejabat kerana kita dimaklumkan bekalan air serta sistem penghawa dingin di Kompleks Teruntum tidak berfungsi berikutan kejadian ini," katanya.

Dalam pada itu, mangsa dan pemilik kenderaan yang rosak akibat kejadian itu sudah mengemukakan tuntutan pampasan daripada pihak pengurusan bangunan berkenaan.

Mangsa, Sheikh Mohd Hanafi Sheikh Ali, 50, berkata semua urusan tuntutan pampasan akan diselesaikan mengikut prosedur ditetapkan pihak berkenaan.

"Saya sudah membuat laporan polis... mujur saya dan isteri, Norziah Abdul Ghafar, 51, hanya cedera ringan."

"Ketika kejadian, saya bersama isteri berjalan menuju pusat beli-belah bersebelahan. Ia berlaku secara tiba-tiba, saya dengar bunyi dentuman sebelum dinding dan air muncur dari tingkat empat dan mengenai kami," katanya.